



MENTERI BESAR PERLIS: DATO' SERI SHAHIDAN KASSIM

MyKUKUM (MK): Assalamualaikum, Dato' Seri terima kasih kerana meluangkan masa untuk wawancara bagi majalah MyKUKUM. Seterusnya saya ingin kemukakan dengan soalan yang pertama. Dalam ucapan perasmian Kampus KUKUM yang lalu, Dato' Seri ada mengatakan bahawa antara sebab penubuhan kolej universiti yang sedia ada adalah hasil kesinambungan perjuangan pemimpin-pemimpin politik di negeri Perlis. Bolehkah Dato' Seri memberi pandangan yang lebih lanjut tentang perkara tersebut?

Dato' Seri Shahidan Kassim (DSSK): Waalaikumussalam, ucapan saya tersebut membawa maksud tentang harapan dan cita-cita bekas menteri-menteri besar yang lalu dan sangat berhasrat untuk menjadikan negeri Perlis negeri ilmu. Perkara itu ditimbulkan dalam konvensyen ekonomi UMNO yang kita buat boleh kita katakan tiap-tiap tahun, jadi salah satu dari konvensyen itu memang ditimbulkan tentang betapa perlunya Perlis sebagai sebuah negeri yang kecil memberi perhatian kepada industri ilmu, kerana ini dapat membantu rakyat Perlis dan juga membantu negara merupakan matlamat dari konvensyen tersebut, tetapi untuk merealisasikannya merupakan tanggungjawab bagi ketua pemerintah pada masa tersebut. Tapi mungkin kerana masalah (constraints) peruntukan kerajaan pusat dan pada masa itu kerajaan pusat belum mempunyai universiti (kita cuma mempunyai dua universiti

sahaja) jadi perkara itu mungkin tak dapat menjadi kenyataan. Malah, infrastruktur untuk menubuhkan negeri ilmu itu belum mencukupi bagi Perlis malah maktab perguruan yang telah dibina di Perlis pada masa tersebut terpaksa dipindah ke Kampar, Perak dan sekarang ini barulah maktab perguruan tersebut kembali dibina di negeri ini. Ini merupakan satu contoh bahawa infrastruktur di negeri Perlis ini pada masa itu cukup daif dan lemah tetapi sekarang infrastruktur kita adalah antara yang terbaik di Malaysia. Jadi kita berhasrat untuk menubuhkan apa juga pusat pendidikan atau pusat pengajian tinggi, akan tidak menimbulkan sebarang masalah lagi pada masa sekarang. Jadi oleh kerana infrastruktur di negeri ini sudah pun berada pada tahap yang cukup memuaskan jadi lagi sekali saya katakan bahawa apa sahaja projek keilmuan dapat didirikan di negeri Perlis.

MK: Saya tertarik dengan idea Dato' Seri mengenai konsep "Perlis Negeri Ilmu". Berdasarkan idea ini, Dato' Seri dilihat mempunyai wawasan yang jauh ke hadapan berbanding negeri-negeri lain terutamanya dari segi pembudayaan ilmu ke dalam diri rakyat secara amnya. Mungkin Dato' Seri ingin berkongsi pendapat mengenai perkara tersebut.

DSSK: Kita, tidak boleh mengadakan pusat pengajian dan kemudian kita mengisyiharkan Perlis sebagai kawasan atau negeri ilmu dan sebagainya kalau sekiranya persekitaran rakyat tidak bergerak ke arah demikian, itu sebab saya ada juga memberi pandangan kepada kerajaan pusat dalam usaha mereka untuk menubuhkan pusat-pusat pengajian tinggi di negeri-negeri, perkara yang pertama yang harus diberi perhatian ialah persekitaran masyarakat itu bergerak ke arah budaya ilmu ataupun kita masukkan pusat pengajian tinggi selepas itu dengan pertolongan pusat pengajian tinggi tadi kita harus budayakan masyarakat ke arah keilmuan kalau masyarakat menghargai ilmu mereka bukan sahaja membantu, menolong tapi mereka boleh mempertahankan pusat-pusat keilmuan tadi dari perkara-perkara yang boleh menyebabkan usaha mempertingkatkan kualiti keilmuan itu tidak terganggu gugat. Jadinya yang paling penting ialah kita hendak memastikan supaya masyarakat juga bergerak ke arah cintakan ilmu dengan itu apa saja pusat keilmuan yang ditubuh bukan sahaja mendapat sambutan tetapi mereka sanggup sama-sama memberi kemudahan untuk membolehkan sesuatu pusat itu didirikan dengan baik dan cepat. Jadi di Perlis ini kita memandang rakyat sudahpun bergerak ke arah tersebut kecuali cuma ada

sedikit gangguan-gangguan yang berupa lebih bercorak politik di mana mereka menghasut rakyat supaya tidak bersama dengan pandangan kita. Contohnya macam KUKUM ini sendiri, kalau semua orang sudah bersetuju untuk kita pengambilan tanah tapi ada satu dua orang yang datang menghasut supaya tuan tanah meminta harga yang tinggi dan ini akan menimbulkan banyak masalah kepada pihak kerajaan. Malah pihak kerajaan akan, menghadapi masalah untuk membangunkan apa saja kalau sekiranya masalah tanah itu tidak dapat diselesaikan. Tetapi kalau sekiranya masyarakat, berfikiran ke arah budaya ilmu itu sendiri maka mereka bukan sahaja menyokong tetapi mereka juga ingin bersama-sama menyumbang kerana kita kena ingat orang yang menyumbang kepada ilmu itu, dia bukan sahaja mendapat kepuasan dan kebahagiaan kepada dirinya di dunia tetapi juga di akhirat dan tiap-tiap orang Islam mestilah percaya bahawa sesuatu yang bernama sedekah jari'ah, sumbangan seikhlas itu mendapat ganjaran yang besar dari Allah S.W.T. Kalau sekiranya masyarakat langsung tidak mau melibatkan diri dengan sedekah ja'riah, sumbangan kepada masyarakat maka adalah rugikan kepada mereka. Jadi proses membudayakan masyarakat ke arah keilmuan itu telah dibuat dengan begitu lama dan saya percaya halangan-halangan kecil ini tidak dapat menyekat usaha kita untuk membudayakan masyarakat dengan keilmuan.

MK: Apakah perasaan Dato' Seri apabila kabinet meluluskan peruntukan bagi pembiayaan universiti di negeri ini?

DSSK: Sebenarnya, universiti ini diluluskan oleh MTEN (Majlis Tindakan Ekonomi Negara). Jadi saya sebagai ahli MTEN jadi sebenarnya saya hadir sama di dalam mesyuarat berkenaan dan universiti ini telah diluluskan dengan begitu lama iaitu di dalam tahun 1999 lagi selepas ekonomi ataupun di dalam masa krisis ekonomi itu sebenarnya tetapi ianya dapat direalisasikan hanya di pada tahun 2000 dan 2001 itu, sebenarnya kita sudah boleh memulakan pengajian tetapi kita terlewat tahun bermula kerana sedikit halangan-halangan seperti yang telah saya sebutkan tadi. Jadi sebenarnya, saya cukup bergembira dan saya berterima kasih kepada keperihatinan kerajaan pusat mengenai perkara ini.

MK: Antara matlamat KUKUM adalah untuk meletakkan status universiti ini sebagai salah satu universiti yang terbilang dan terunggul di rantau ini. Apakah sumbangan yang dapat diberikan kepada institusi ini dalam membantu merealisasikan matlamat ini?

Wawancara Eksklusif

DSSK: Sekarang ni kita kena ingatkan, KUKUM ini adalah satu universiti yang bercorak 'hands-on' dan yang paling penting ialah bila kita mengeluarkan graduan yang pertama nanti, graduan kita adalah graduan yang mempunyai latihan teknikal (60% daripada kursus yang mereka ceburi) dan sudah tentu mereka akan merupakan jurutera-jurutera yang terbaik dalam merealisasikan apa-apa program dan projek yang mereka akan harungi nanti. Jadinya, sudah pasti prestasi mereka dalam masyarakat akan memberi nama baik kepada KUKUM itu sendiri dalam masa yang sama KUKUM juga boleh melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan persekitaran dan juga dalam kemasyarakatan yang lebih besar dalam Malaysia dan juga dalam IMTGT dan juga dalam ASEAN. Ini boleh dibuat dengan mengatur program-program, dengan menganjur seminar-seminar, dengan mengadakan program-program berkembar ataupun lain-lain program yang lebih melibatkan interaksi di antara kita dan juga pihak-pihak luar. Jadi, saya melihat ini sebagai satu petanda yang baik kerana kedudukan Perlis sebagai pusat (berada ditengah-tengah) dalam pertumbuhan segitiga utara ini. Jadi di dalam rantau ASEAN yang kecil iaitu Malaysia, Thailand dan Indonesia, KUKUM boleh memainkan peranan yang cukup besar. Dalam pemikiran kemasyarakatan Malaysia yang lebih besar, KUKUM harus bertanding mengeluarkan graduan yang terbaik dalam masa yang sama kita, yang paling penting sekarang ni memastikan supaya kita dapat membina kampus ini dengan cepat dan saya sedang berusaha bersama-sama dengan semua pihak. Saya terlibat secara langsung dalam perancangan, perlaksanaan dan dalam masa yang sama saya perlu pastikan supaya KUKUM berada di dalam kawasan yang menarik, unik seolah-olah ia berada di dalam sebuah taman ataupun sebuah universiti yang infrastrukturnya menepati kehendak semasa atau dalam bahasa yang lebih tepat ialah canggih.

MK: Adakah sesuai sekiranya KUKUM dijadikan sebagai 'Institusi Masyarakat' bagi menjana rakyat yang berilmu di negeri Perlis ini?. Bagaimana pandangan Dato' Seri.

DSSK: Saya amat bersetuju dan itu memang menjadi hasrat saya selama ini dan saya percaya KUKUM harus merealisasikannya. Itu sebab, sampai sekarang ini saya belum lagi melantik jawatankuasa pengelola KUKUM ini kerana saya mahu orang yang dilantik nanti ialah orang yang benar-benar komited dan mampu untuk bergerak bersama dengan pemikiran perdana yang ada sekarang.

MK: Apakah harapan Dato' Seri terhadap kewujudan universiti di negeri ini secara amnya dan KUKUM khasnya?

DSSK: Universiti ini bukan menjadi idaman kepada saya sahaja tetapi juga kepada seluruh rakyat negeri Perlis, kepimpinan Perlis malah inilah doa orang Perlis, malah inilah rayuan orang Perlis, malah inilah percakapan orang Perlis, malah inilah merupakan hasrat dan perjuangan di pihak parti yang memerintah. Jadi sudah pasti kehadirannya merupakan sesuatu yang amat dialu-alukan.

MK: Harapan Dato' Seri kepada bakal graduan dari KUKUM?

DSSK: Sudah pasti sebagai anak sulung kepada universiti yang baru, mereka harus bukan sahaja bertungkus-lumus untuk belajar tapi menyesuaikan diri dengan suasana persekitaran yang memaksa mereka bergerak di antara satu-satu tempat, di antara satu-satu kampus yang agak jauh dari tempat tinggal tetapi jauh di Perlis tidak lebih daripada lima belas (15) minit. Jadi di Perlis, jarak antara Kangar dengan Kubang Gajah ianya jauh tapi jaraknya lima belas minit. Pada saya kalau dibandingkan dengan tempat-tempat lain yang kadang-kadang mengambil masa sejam, maka ini tidak menimbulkan masalah dan walaupun Perlis dan kita boleh dikatakan semua sudah berbentuk bandar tapi suasana masih lagi kampung, jadi suasana pembelajaran itu cukup baik. Harapan saya kepada graduan nanti

supaya mereka menunjukkan prestasi yang cemerlang di dalam masyarakat malah saya memantau mereka ini dari mula mereka masuk, dalam masa mereka belajar dan seterusnya sehingga mereka keluar nanti. Hubungan saya dengan mereka cukup baik, saya sentiasa berjumpa dengan mereka ini dari masa ke semasa.

MK: Nasihat Dato' Seri kepada semua pelajar dan kakitangan KUKUM serta seluruh rakyat negeri Perlis.

DSSK: Kepada pelajar, mereka berasib baik kerana mereka telah dipilih untuk belajar di universiti ini dan mereka juga berasib baik kerana dapat belajar di Perlis. Saya rasa mereka bertuah kerana sekurang-kurangnya dua (2) bulan atau tiga (3) bulan sekali boleh berjumpa dengan kepimpinan negeri yang mana ia merupakan perkara yang sukar di tempat lain. Jadi mereka tidak ada masalah dari kewangan kerana kalau mereka ada masalah, kerajaan negeri akan mengambil daya usaha untuk membantu mereka jadi tidak ada masalah. Kepada kakitangan KUKUM, saya berharap mereka bekerja dengan sebaik mungkin dan mereka kena ingat bahawa mereka (they are very lucky) sebab orang Perlis yang memperjuangkan universiti tetapi taklah begitu ramai orang Perlis yang bekerja sepenuhnya di sana. Jadi ramailah orang lain yang bekerja dan walaupun yang berjuang untuk mendapatkan universiti ini adalah orang lain, tapi yang mendapat peluang pekerjaan ini adalah orang lain. Jadi mereka patut ingat bahawa mereka patut bersyukur kerana hasil usaha daripada orang lain, mereka yang mendapat manfaat. Jadi sebagai contoh yang baik di mana perjuangan orang lain, orang lain yang mendapat manfaat. Perjuangan datuk-nenek kita yang tidak berilmu berjaya mengilmukan anak-anak kita dan anak kita boleh bekerja dan mendapat pendapatan yang lumayan. Jadi mereka harus berterima kasih kepada pejuang-pejuang tadi. Tapi saya yang kecil hati ni, banyak orang yang telah pun berada, kaya dan sebagainya lupa bahawa mereka berada di situ kerana perjuangan orang-orang yang tidak berilmu, perjuangan orang-orang yang secara sukarela mengorbankan diri dan masa mereka untuk negara dan juga bangsa. Demikian juga KUKUM, bukan semua anak-anak pejuang yang dapat bekerja di KUKUM tapi ada anak-anak orang yang tidak berjuang pun dapat bekerja di KUKUM. Jadi itu adalah rezeki mereka, tetapi mereka kena ingat bahawa mereka tidak boleh 'take thing for granted' dan menganggap bahawa mereka layak ! Tidak, itu merupakan rezeki mereka sahaja sebab yang layaknya ramai jadi kita pun sukar untuk memilih orang bekerja di sana sampai berpuluhan ribu orang memohon untuk jawatan yang begitu kecil. Tapi yang dapat bekerja itu mereka haruslah bersyukur dan bekerja dengan baik sebab kalau mereka tidak memberi sumbangan yang baik maka mereka harus ingat orang lain begitu ramai di luar sana yang berminat untuk bekerja di sini. Tetapi yang paling penting ialah universiti ini merupakan satu petanda atau mercu tanda, kebanggaan kepada orang Perlis. Jadi kalau orang yang bekerja di KUKUM tidak berbangga untuk bekerja di sana, maka ini merupakan satu sikap yang tidak elok kerana mereka harus bergerak seiring dengan pemikiran dan kegembiraan rakyat tentang universiti ini. Orang memandang tinggi kepada universiti ini dan mereka tidak bolehlah membuat perkara-perkara yang boleh menjelaskan nama baik universiti ini sebab sekali saya ingin tegaskan bahawa saya memantau terus dari masa ke semasa.

MK: Apakah nasihat terakhir, Dato' Seri kepada semua.

DSSK: Nasihat saya ialah kita harus jaga nama baik dan juga prestasi. Di pihak saya sendiri, saya bekerja keras untuk memastikan bangunan KUKUM ini siap dan dalam masa yang sama saya hendak memastikan supaya suasana pembelajaran anak-anak ini dapat dibuat dengan sebaik mungkin. Itu sebab tapak sementara KUKUM itu telah diwakafkan secara peribadi kepada tahtfizah dan juga anak yatim tetapi kita tangguhkan dan kita beri kepada KUKUM kerana kita hendak KUKUM ini bergerak tanpa halangan...